

22/06/2003

Pantun keramat Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpesan kepada ahli Umno dan orang Melayu supaya jangan bersengketa jika mereka mahu mengelak bangsa daripada menjadi porak peranda.

Perdana Menteri menyampaikan amanatnya kepada bangsa Melayu itu dalam bentuk pantun, sebelum menamatkan ucapan penggulungan perbahasan terakhirnya pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Melalui 11 rangkap pantun empat kerat itu, Dr Mahathir yang kelihatan tenang, walaupun sesekali sebak sepanjang ucapannya selama 70 minit, yakin bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mampu meneguhkan lagi kedudukan Umno berikutan kesetiaan dan perpaduan ahli sekarang.

Umno, katanya, dengan kekuatan ketiga-tiga sayapnya - Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri - sekarang, akan terus utuh selagi ahli dan pemimpinnya tidak mementingkan diri sendiri, sebaliknya mengutamakan kepentingan parti dan bangsa.

Lihat pantun keramat Dr Mahathir sebagai amanatnya kepada Umno dan bangsa Melayu, di sebelah.

Pantun seloka penyeri majlis,
pembuka penutup tak kira masa;
tahniah pembahas sungguh kritis,
usul dibahas berbalas pantun jadinya.

Regime Change tema terbaru,
hasutan beracun musuh bangsa;
jangan termakan pujuk dan rayu,
kelak tergadai tanah tercinta.

Bersatu teguh bercerai roboh,
kata azimat pusaka berzaman;
alaf baru penuh penceroboh,
rapatkan bangsa nusa kita tahan.

Berabad derita hidup terjajah,
nikmati merdeka baru terasa;
lagak bersantun bangsa Eropah,
sandiwara menjerat bangsa merdeka.

Setiap permulaan ada akhirnya,
menjadi peringatan kepada hamba;
kuasa dan jawatan bukan segalanya,
berkhidmat kerana bangsa dan negara.

Kepimpinan berganti amalan tradisi,
tradisi Umno gemilang budaya;
pemimpin datang bersilih ganti,
mewarisi perjuangan bangsa kita.

22 tahun mencurah bakti,
untuk agama, bangsa dan pertiwi;
kini masa untuk pergi,
ketika Umno gagah berdiri.

Semua berdoa menitis air mata,
mengenang nasib anak bangsa;
wahai Melayu jangan bersengketa,
mengelakkan dari porak poranda.

Pemuda di kanan Puteri di kiri,
wanita pula tengah teguh berseri;
usah pentingkan diri sendiri,
dulukan bangsa utamakan parti.

Para perwakilan dan semua ahli,
bersetia semua bersatu hati;
saya pergi Pak Lah ganti,
Umno teguh sudah pasti.

Izinkan saya beredar pergi,
memberi ruang pada Pemuda;
melupai Umno tidak sekali,
terus berjuang walaupun bersara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
PWTC - Kuala Lumpur
(21 Jun 2003)

(END)